

KEARIFAN TEMPATAN CHE WONG

Jamal Rizal Razali², Jamilah Bebe Mohamad³, Anis Nabilla Ahmad⁴, Hasmadi Hasan⁵, Imaduddin Abidin⁶

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia PAHANG, 26300 Kuantan, Pahang
jamalrizal@ump.edu.my, jamilahbebe@ump.edu.my,
anis.nabilla.ahmad118@gmail.com, hasmadi@ump.edu.my,
imaduddin@ump.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan perihal kearifan tempatan yang dimiliki oleh masyarakat Che Wong (CW). Masyarakat ini adalah salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli (OA) dan tergolong dalam Senoi subgroup. Kaum ini sedang mengalami penyusutan jumlah anggota komunitinya. Sehingga tahun 2014, jumlah anggota masyarakat CW dianggarkan hanya tinggal sekitar 650 orang (JAKOA). Hal ini akan mempengaruhi proses pewarisan budaya mereka kepada generasi berikutnya yang mendorong kepada keusangan, kenazakan dan seterusnya kepupusan budaya tersebut. Bagi masyarakat OA CW yang tinggal di Kuala Gandah, Temerloh ini, terdapat beberapa kemahiran yang diwarisi daripada generasi terdahulu yang masih diamalkan sehingga kini yang dikategorikan sebagai kearifan tempatan (*local wisdom*). Istilah ini merujuk kepada pengetahuan eksplisit yang telah wujud dalam jangka waktu yang panjang dan berevolusi dengan masyarakat serta menjadi tanda pengenal mereka. Walau bagaimanapun, berdasarkan data yang dikutip menggunakan pendekatan kualitatif, terdapat beberapa kemahiran tempatan masyarakat ini sedang mengalami proses pengusangan. Hal ini berlaku kerana terdapat pelbagai faktor yang sedang melanda komuniti CW ini dari dalam dan luar. Sekiranya tiada sebarang usaha pendokumentasian dan pewarisan, kearifan tempatan milik masyarakat ini mungkin akan pupus buat selama-lamanya. Hal ini demikian kerana budaya sesebuah masyarakat itu menyimpan pelbagai maklumat seperti falsafah pemikiran, pandangan dunia, maklumat perubatan, garis keturunan atau lebih besar lagi “*weltanschauung*” masyarakat berkaitan.

Kata kunci: *orang asli, Che Wong, budaya, kearifan tempatan*

ABSTRACT

This paper discusses about the local wisdom of the society Che Wong (CW). This community is one of the 18 tribes of indigenous peoples and belongs to Senoi subgroup. These people are experiencing shrinking number of members of its community. Up to 2014, the number of members of the society CW estimated only about 650 people (JAKOA). This will affect the process of their cultural inheritance to the next generation which leads to obsolescence, dying and cultural extinction. For CW community who lived in Kuala Gandah, Temerloh, there are skills that are inherited from previous generations which still practiced until now can be categorized as local wisdom (*local wisdom*). This term refers to the explicit knowledge that already exists for a long time ago and it evolved with society as well

as their identification. However, based on data collected using a qualitative approach, there are a number of local communities skills is currently undergoing the process of aging. This is related to many factors that threat CW communities internal and externally. If the process of documentation and inheritance take place, the local knowledge of these communities may be lost forever. Nevertheless, the culture of a society that stores a variety of information such as philosophy, thinking, worldview, medical information, lineage or "*weltanschauung*" of relevant community.

Keywords: *orang asli (indigenous), Che Wong, culture, local wisdom*

¹ Kertas kerja ini diterbitkan dalam *International Journal of Humanities Technology and Civilization* (IJHTC Vol. 1, Disember 2020) ISSN: 2289-7216 (PRINT), e-ISSN: 2600-8815 (ONLINE) terbitan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Gambang, Pahang Darul Makmur MALAYSIA. Kertas kerja ini juga adalah sebahagian daripada geran projek penyelidikan FRGS nombor rujukan RDU150108 (Kajian Tahap Keterancaman Bahasa Che Wong) yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

² Pensyarah Kanan di Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Bidang tujahan beliau ialah Linguistik Kognitif, Sociolinguistik, Keterancaman Bahasa, Kenegaraan, Kemahiran Insaniah dan Warisan Pahang.

³ Guru Bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden, UMP. Bidang kajian beliau Bahasa, Linguistik, Sociolinguistik dan Kemahiran Insaniah

⁴ Pelajar pasca siswazah di Pusat Sains Kemanusiaan. Beliau menjalankan kajian berkaitan Sistem Kekerabatan Dalam Bahasa Che Wong.

⁵ Pensyarah Kanan di Pusat Sains Kemanusiaan, UMP. Bidang tujahan beliau ialah Pendidikan, Statistik, Pembangunan Manusia dan Warisan Pahang.

⁶ Pensyarah di Pusat Sains Kemanusiaan, UMP. Bidang tujahan beliau ialah Pengajian Perniagaan, Pemikiran Strategik, Kajian Interaksi Institusi, Kenegaraan, Kemahiran Insaniah dan Warisan Pahang.

ORANG ASLI DI MALAYSIA

Masyarakat Orang Asli atau Orang Asal (OA) adalah sebuah masyarakat minoriti peribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Majoriti daripada mereka tinggal di kawasan hutan dan mengamalkan cara hidup tradisional yang dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan warisan tinggalan nenek moyang mereka. Sebagai penghargaan kepada masyarakat ini yang dianggap sebagai penduduk asal negara ini, pihak kerajaan Malaysia telah memberi gelaran baru kepada mereka iaitu “Orang Asli” (Rosley, N. A., 2009). Hal ini termaktub melalui peruntukan perundangan iaitu Akta Orang Asli 1954 (Akta 134 di bawah *Aboriginal Peoples Ordinance* No. 3, 1954) yang telah dipinda pada tahun 1974 dan juga berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti berikut:

- i) mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau
- iii) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.

Sehingga kini, dianggarkan terdapat seramai 141,230 anggota masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia (JAKOA 2015) yang terbahagi kepada 18 suku kaum. Daripada jumlah tersebut, hamper separuh tinggal di di negeri Pahang Darul Makmur. Salah satu daripada suku kaum tersebut ialah Che Wong yang tergolong dalam subgroup Senoi. Mereka tinggal di Kuala Lanchang, Temerloh dan Ulu Dong Raub, Pahang Darul Makmur. Jadual di bawah menunjukkan statistik Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada 2010 (JAKOA 2015).

Kaum	Tahun 2006	Tahun 2010	Pahang (2010)
Negrito	4,001	3,671	1,723
Senoi	81,826	79,155	23,210
Melayu Proto	61,585	58,404	26,892
JUMLAH	147,412	141,230	51,825

Jadual 1: Populasi Orang Asli mengikut kaum tahun 2006, 2010 dan 2012

di Semenanjung Malaysia dan Pahang (JAKOA 2012, Anis 2016, Jamilah 2016)

ASAL-USUL CHE WONG

Asal-usul masyarakat CW tidaklah dapat dijelaskan secara tuntas. Hal ini demikian kerana terdapat pelbagai cerita berkenaan asal-usul mereka yang datang daripada pelbagai sumber. Daripada temubual yang dilakukan, terdapat tiga versi yang sering dirujuk apabila membincangkan asal-usul masyarakat CW (Ustazah Zaliah Ali, Wan Kampit dan Aki Kerpan). Menurut Anis Nabilla (2016) dan Jamilah Bebe Mohamad (2016), ketiga-tiga versi tersebut disampaikan secara lisan dari satu generasi kepada satu generasi mereka sebagai catatan sejarah jurai keturunan mereka secara sah dan menjadi kebanggaan anggota masyarakat ini (Jamal Rizal, 2015b). Selain itu, juga terdapat beberapa versi catatan oleh para orientalis mengenai asal-usul masyarakat (dan nama) Che Wong ini (Jamal Rizal, 2015b).

Versi Pertama : Keturunan Tuhan

Versi yang pertama mengatakan bahawa mereka adalah keturunan Tuhan yang turun ke bumi dan mendarat di bukit yang paling tinggi di pergunungan Indo-China iaitu di Pnom Phen, Vietnam. Mereka turun dua beradik lelaki dan berjalan kaki dan berhenti di Thailand. Salah seorang daripadanya tidak mahu meneruskan perjalanan dan tinggal di Thailand, menjadi raja dan keturunannya kekal memerintah sehingga hari ini. Seorang lagi adiknya, meneruskan perjalanan melalui banjaran Titiwangsa dan berhenti di Gunung Benom.

Di sini, beliau menetap dan menjadi Raja di Hulu Sungai. Keturunannya kekal hingga sekarang mendiami kawasan ini iaitu di Lanchang, Temerloh dan di Raub. Mereka dikatakan sering berulang-alik antara kedua-dua tempat merentasi banjaran Titiwangsa. Menurut mereka, "Che" dikatakan bermaksud "Tuan" atau "Tuhan" dan "Wong" bermaksud "orang". Dalam hal ini, mereka adalah tuan atau Tuhan kepada orang-orang atau manusia (Jamal Rizal, 2015b).

Versi Kedua : Keturunan Raja

Versi yang kedua pula mengatakan bahawa mereka adalah keturunan Raja di sebuah negara di Indo-China. Salah seorang anak raja itu bernama "Che" dan beliau adalah bakal raja bagi negara tersebut. Beliau mencintai seorang gadis orang kebanyakan bernama "Wong". Memandangkan Che adalah keturunan Raja yang juga merupakan keturunan dewa-dewa, maka beliau tidak boleh mengahwini manusia. Namun demikian, rasa cinta antara mereka terlalu kuat dan menyebabkan kedua-duanya lari ke banjaran Titiwangsa dan menjadikan Gunung Benom sebagai tempat tinggal mereka. Mereka berkahwin, mempunyai keluarga dan beranak-pinak dan keturunan mereka hidup aman damai di kedua-dua belah banjaran Titiwangsa iaitu di Hutan Simpan Krau yang merangkumi Lanchang dan Ulu Dong.

Versi Ketiga : Keturunan Sang Kelembai

Manakala versi yang ketiga pula mengatakan bahawa mereka ini adalah keturunan Sang Kelembai. Makhluik ini berdua beradik iaitu Tak Ong dan Tatang (Harun Mat Piah, 2003) yang sentiasa bersaing dalam setiap perbuatan. Kebiasaannya, Tatang (adik) akan dapat mengatasi Tak Ong dan keadaan ini menyebabkan Tak Ong menyimpan dendam kepada adiknya sendiri.

Walau bagaimanapun, Tak Ong bernasib malang apabila matanya cedera dan telinganya putus semasa bertanding dengan adiknya menyebabkan dia menjadi buta dan tuli. Tatang pula merupakan sejenis makhluik yang sentiasa gembira sehinggalah isteri dan anak-anaknya mati akibat keracunan buah perah. Dikatakan, setiap pokok perah yang dijumpainya akan dicabut kerana marah dan sakit hatinya dan dikatakan ketiadaan pokok perah di kawasan Kampung Dong (Raub) dan Pulau Raya (Kuala Krau, Temerloh) disebabkan oleh tindakannya. Tak Ong tinggal di sebelah timur Banjaran Titiwangsa iaitu di Lanchang manakala Tatang pula tinggal di sebelah barat iaitu di kawasan Ulu Dong, Raub. Walau bagaimanapun asal-usul perkataan atau nama Sang Kelembai tidaklah diketahui.

Versi Keempat : Pelabelan oleh orientalis berdasarkan catatan Howell, 1984

a. Kekeliruan Ogilve

Ogilve ialah salah seorang pegawai British yang bertugas di Temerloh. Beliau mendapat maklumat daripada salah seorang kakitangan Jabatan Hidupan Liar Pahang di Temerloh (Howell, 1984) berkenaan nama kaum tersebut yang dirujuk sebagai “Siwang”. Menurut versi ini, nama “Siwang” ini sebenarnya adalah nama seorang anggota renjer Melayu yang tinggal di Kuala Gandah. Akibatnya, Ogilve telah beranggapan bahawa “Siwang” ialah nama suku kaum ini. Selain itu, “Siwang” juga dianggap sebagai nama yang lebih lembut atau sopan berbanding gelaran “Sakai” yang bermaksud “hamba”. Walau bagaimanapun, versi ini masih boleh dibahaskan kerana “Siwang” atau “Sewang” bermaksud “upacara kerohanian” yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli bagi tujuan-tujuan tertentu. Sebagai contoh, terdapat sewang ubat, sewang hantu, sewang (<http://tariansewangpayalebar.blogspot.my/>, Prof. Puan Sri Dr. Faridah Abdul Karim) <http://muzikorangasli.blogspot.my/2010/09/sewang.html>. Berikut adalah nama beberapa jenis “sewang” yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli:

- a. Sewang Chenchem
- b. Sewang Gamok
- c. Sewang Panoh
- d. Sewang Penhei
- e. Sewang Manjar
- f. Sewang Pungei
- g. Sewang Tanggei

Kemungkinan juga jawapan “Siwang” yang diterima oleh Ogilve merujuk kepada upacara yang sedang dijalankan oleh masyarakat Che Wong dan beliau beranggapan bahawa “Siwang” adalah nama suku kaum ini.

b. Needham (1955) dan Craey (1976)

Beliau juga merujuk suku kaum ini sebagai “Siwang” berdasarkan maklumat daripada seorang lelaki Orang Asli bernama Beng. Selain itu, Carey (1976) menyatakan bahawa nama “Che Wong” itu mempunyai makna khusus iaitu “Che” bermaksud “orang” dan “Wong” bermaksud “hutan”. Pandangan yang dikemukakan oleh Carey lebih munasabah kerana panggilan tersebut juga ditemui dalam wawancara dengan anggota masyarakat ini dan nama tersebut lebih menonjol kaitannya dengan cara hidup mereka.

c. Evans (1927) dan Howel (1984)

Dua pengkaji ini mengemukakan dua nama iaitu “Maroi” dan “Kleb”. Menurut Howell (1984), nama “Maroi” muncul berdasarkan maklumat daripada Ogilve (?) yang mengatakan bahawa ketua masyarakat ini ialah orang bernama “Maroi”. Maklumat ini juga bersandarkan kepada maklumat yang dikemukakan oleh orang Melayu dan Jah Hut yang tinggal di sekitar kawasan ini. Mereka sering berinteraksi dalam proses tukar barang dan “Maroi” merupakan jurucakap kepada orang-orangnya. Sehubungan dengan itu, masyarakat ini dipanggil “orang Maroi”. Selain itu, nama “Kleb” berdasarkan maklumat yang diterima daripada Schebesta (pengkaji British) yang mendakwa terdapat sebuah suku kaum bernama “Kleb” yang tinggal di selatan dan timur laut Pahang dan kawasan ini didapati berhampiran dengan Kuala Gandah sekarang. Bertalian dengan itu, Howell (1984) turut menyatakan bahawa orang asli di Sungai Youl, Raub turut mendakwa bahawa mereka adalah orang Kleb (Bi Kleb)

Sebagai rumusan kepada isu nama suku kaum ini, dapat dikatakan bahawa versi yang didapatkan daripada individu-individu tertentu dalam suku kaum ini lebih meyakinkan berbanding maklumat daripada pengkaji Barat ini. Hal ini demikian kerana maklumat yang digunakan hanya bersandar kepada tekaan atau jangkaan.

DEMOGRAFI MASYARAKAT CHE WONG

Kajian ini telah melibatkan seramai 78 orang responden yang terdiri daripada masyarakat CW iaitu 34 orang lelaki dan 44 orang perempuan. Jadual di bawah menunjukkan maklumat demografi responden kajian.

Latar Diri	Jumlah Responden	Peratusan %
Umur		
10-20	20	25
21-30	17	22
31-40	19	24
41-50	15	18
50 keatas	7	11
Jumlah	78	100
Jantina		
Lelaki	34	43.6
Perempuan	44	56.4

Jumlah	78	100
Agama		
Tradisi/Nenek Moyang	37	47.4
Islam	28	35.9
Kristian	13	16.7
Jumlah	78	100

Jadual 2: Maklumat demografi responden kajian (disesuaikan daripada Anis 2016)

Daripada jadual di atas, didapati bahawa golongan yang berusia 31 tahun dan ke bawah lebih ramai berbanding dengan golongan yang berusia 51 tahun ke atas iaitu hanya 11% daripada keseluruhan responden. Jumlah ini juga memberikan tanda bahawa golongan tua yang menyimpan ilmu dan kearifan tempatan mereka semakin berkurangan.

Daripada sudut jantina pula, golongan wanita melebihi golongan lelaki iaitu, sebanyak 56.4 peratus berbanding kaum lelaki iaitu 43.5 % sahaja. Jika dilihat daripada sudut agama dan kepercayaan pula, 47.4% mengamalkan agama tradisi nenek moyang mereka manakala 35.9% menganut agama Kristian dan 16.7 % mengamalkan ajaran agama Islam (Anis 2016, Jamilah 2016).

KEARIFAN TEMPATAN

Acharya Deepak dan Anshu S. (2008) mengatakan bahawa *Local Wisdom* atau Kearifan Tempatan (selepas ini disebut KT) secara khususnya adalah tradisi lampau dan amalan masyarakat setempat yang merangkumi ciri-ciri kebijaksanaan, pengetahuan dan ajaran komuniti tersebut. Cheng YC (2004) pula mendefinisikan KT sebagai pengetahuan yang telah teruji, diakui sah dan digunapakai dalam konteks tempatan yang dikumpul oleh komuniti setempat.

Hal yang sama turut diutarakan oleh Kumaran TW, Dissanayake L & Norbert SA (2007) bahawa, KT adalah pengetahuan dan kepercayaan yang kumulatif diperturunkan daripada generasi ke generasi berikutnya melalui transmisi budaya serta berkaitan dengan hubungan manusia antara satu sama lain serta hubungannya dengan persekitarannya. Daripada perspektif pengamalannya, Clifford Geertz (1983) menyatakan bahawa KT bersifat praktikal, kolektif dan berakar umbi daripada sesebuah kawasan yang membentuk satu pemikiran yang tersusun berdasarkan pengalaman. Manakala Coburn J. (2003) pula mengatakan bahawa KT yang dimiliki oleh para pemuka masyarakat itu diperolehi daripada pengalaman hidup yang berlandaskan tradisi, intuisi, naratif dan demonstrasi (pengamalan) secara nyata.

Selari dengan pandangan tersebut, Ridwan NA (2007) yang mengkaji komuniti Islam di Jawa Barat menegaskan bahawa KT adalah nilai-nilai yg terdapat dalam sesebuah masyarakat dan diyakini kebenarannya serta menjadi acuan dalam tingkahlaku seharian masyarakat setempat. Nilai-nilai ini seterusnya mengatur dan menjadi pedoman kepada sesebuah komuniti untuk menjalani kehidupan mereka. Bagi Cecep Eka Permana R. (2010) pula, terdapat enam dimensi KT yang bersifat

lokal atau tempatan iaitu nilai, solidariti kelompok, sumber, pengetahuan, ketrampilan dan pembuatan keputusan. Semua dimensi atau unsur tersebut dibina dan digunakan oleh komuniti sebagai satu sistem yang mengatur dan menjadi pedoman mereka. Satu hal yang menarik ialah, semua anggota komuniti tersebut menerima semua dimensi tersebut secara mutlak tanpa sebarang penolakan atau bantahan. Hal ini dapat pula dikaitkan dengan proses pewarisan daripada generasi terdahulu dan juga kepatuhan kepada nilai-nilai serta ilmu tersebut. Dapat dirumuskan bahawa kearifan tempatan boleh dilihat daripada empat perspektif seperti rajah di bawah,

Profesional		Antropologi	
Pengetahuan yang dibina semasa menjalankan tugas sama ada seperti yang diperlukan oleh bidang pekerjaan mahupun kemahiran tambahan		Kepercayaan yang dibina oleh masyarakat dalam usaha menyesuaikan polisi dan undang-undang yang sedia digubal dengan kehendak dan kehidupan harian mereka	
Akademik	Definisi Kearifan Tempatan	Sosial	
Pengetahuan yang menyimpang daripada disiplin ilmu sah yang berlegar secara tidak rasmi dalam kumpulan kecil pada peringkat tempatan		Kepercayaan yang lahir daripada amalan sosial sesebuah komuniti melalui sejarah	

Rajah 1 Definisi Kearifan tempatan (disesuaikan daripada Canagarajah 2002)

Oleh yang demikian, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa KT ialah falsafah ilmu yang dinamik melalui mekanisme, kreativiti dan inovasi tempatan serta konteks pengalaman (Haverkot B, 1993). Hal ini bermaksud, KT dibina oleh komuniti setempat dan telah melalui proses yang panjang. Oleh yang demikian, proses pemberian nama dan identity kepada sesuatu seperti yang diamalkan oleh komuniti bahasa adalah bersifat lokal dan domestik boleh dikategorikan sebagai salah satu unsur kearifan tempatan. Hal ini demikian kerana, proses evolusi yang dilalui oleh penutur tersebut mengambil masa yang panjang sehingga menjadi mantap dan mendasari pola komunikasi komuniti tersebut.

PERMASALAHAN KAJIAN

Daripada statistik yang diperolehi daripada JAKOA (2015), jumlah Orang Asli suku kaum CW ini sedang mengalami penyusutan yang sangat ketara. Pada tahun 2012, (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>) jumlah anggota masyarakat CW ini dianggarkan hanya tinggal seramai 450 ke 600 orang sahaja. Manakala Shariffudin (2013:13) menyatakan bahawa jumlah anggota kaum CW dianggarkan hanya tinggal sekitar 650 orang (Sariffudin 2013:13, rujuk juga JAKOA 2008, 2010, 2014).

Atas sebab tersebut, UNESCO telah menyenaraikan bahasa CW sebagai salah satu bahasa terancam di dunia dan meletakkanya pada tahap “*6b threaten*” (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>, dicapai pada 26 Januari 2015, juga rujuk Jamal Rizal 2015b). Berasaskan kepada pandangan UNESCO, jumlah anggota suku kaum Che Wong ini merupakan satu petanda kepada keadaan atau status kelangsungan masyarakat CW itu sendiri.

Keadaan ini menyebabkan penyelidik beranggapan bahawa penyusutan jumlah masyarakat ini juga menjadi faktor pendorong kepada keterancamannya khazanah kemahiran dan kearifan tempatan masyarakat ini. Sehubungan dengan itu, penyelidik berpendapat bahawa kajian mengenai masyarakat CW perlu dipergiatkan agar bahasa, kesenian dan kebudayaan masyarakat ini yang terkumpul sebagai khazanah kearifan tempatan mereka terus terpelihara dan dapat didokumentasikan.

Objektif Kajian

Subjek kajian ini ialah kearifan tempatan masyarakat orang asli suku kaum CW. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah:

- a. Mengenalpasti kearifan tempatan masyarakat Che Wong.
- b. Mengkategorikan kearifan tempatan masyarakat Che Wong.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif kerana bersesuaian dengan objektif kajian ini iaitu usaha menghuraikan fenomena yang sedang berlaku dalam masyarakat di empat buah kampung sekitar Kuala Gandah iaitu Kg. Beh, Kg. Kalau, Kg. Kuala Gandah dan Kg. Sg. Enggang. Perkampungan ini terletak kira-kira 12 km dari pekan Lanchang dan 40km dari bandar Temerloh, Pahang. Kuala Gandah, Lanchang Temerloh Pahang Darul Makmur.

Dalam kajian ini, temubual separa struktur dengan beberapa informan berwibawa dan pemerhatian sewaktu di lapangan. Pemilihan informan dilakukan berdasarkan pandangan Ustazah Zaliah Ali, Wan Kampit dan Aki Kerpan kerana ketiga-tiga individu tersebut merupakan sumber utama yang juga berperanan sebagai penterjemah kepada penyelidik. Wawancara ini telah direkodkan dalam bentuk audio dan video. Sebelum menjalankan rakaman audio dan video ini, penulis telah mendapatkan persetujuan secara lisan daripada wakil masyarakat CW yang terlibat. Data rakaman tersebut telah ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis secara teliti bagi menjelaskan setiap objektif kajian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Daripada temubual yang dilakukan, kearifan tempatan yang dapat dikenalpasti adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah,

No.	Kategori	Jenis
1.	Kemahiran Tangan	<ul style="list-style-type: none"> • pembuatan baju kulit • anyaman (rotan, buluh) • pertukangan (sumpit, panah, jerat)
2.	Falsafah	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem bahasa • Pantun • Lagu dan nyanyian • Metafora
3.	Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem kekerabatan • Sistem sosial

		<ul style="list-style-type: none"> • Setiakawan
4.	Politik	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem pentadbiran • Kuasa
5.	Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> • Jampi mantera • Ibu bersalin
6.	Ilmu saintifik	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod herba • Formulasi ubat • Formulasi racun
7.	Kemahiran kelangsungan hidup (ilmu perhutanan)	<ul style="list-style-type: none"> • Memburu • Menjejak • Memasak

Terdapat tujuh (7) jenis atau kategori kearifan tempatan yang dimiliki dan diamalkan oleh masyarakat CW ini. Semua kearifan tempatan tersebut disimpan dalam ingatan kalangan generasi tua. Setiap satunya dihafal dan disampaikan secara lisan kepada generasi berikutnya. Daripada temubual, informan mengatakan bahawa mereka juga menerima ilmu dan maklumat tersebut secara lisan daripada generasi terdahulu. Mereka dikehendaki menghafal dan mengingati serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Hal ini demikian kerana masyarakat ini tidak mempunyai tradisi penulisan.

Bagi proses pewarisan pula, mereka menyampaikan secara lisan pula kepada generasi baharu. Bagi generasi baharu atau anak muda pula, walaupun tidak ramai yang berminat (Jamilah 2016), mereka mengguna pakai teknologi moden iaitu merakam secara audio visual. Hal ini dilakukan dengan tujuan supaya maklumat tersebut dapat disimpan dengan lebih selamat.

Pada masa yang sama, terdapat juga dalam kalangan generasi baharu ini yang menerima kearifan melalui kaedah “*learning by doing*” apabila mereka melakukan amali secara langsung. Sebagai contoh, ilmu berburu seperti mengesan jejak binatang dan membuat jerat diterima semasa mereka berburu dengan generasi tua. Mereka melihat dan mempelajari secara langsung beserta latihan amali apabila dikehendaki mengesan jejak binatang buruan dan menyediakan jerat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kearifan tempatan sesebuah masyarakat merupakan khazanah ilmu, falsafah, kemahiran yang mereka bina, miliki dan amalkan sejak sekian lama. Khazanah ini menjadi teras dalam kehidupan sesebuah masyarakat kerana proses penciptaan, penggunaan dan penerimaannya adalah secara mutlak oleh anggota masyarakatnya secara turun-temurun. Namun demikian, berdasarkan perkembangan masa, khazanah ini semakin terancam kerana pelbagai faktor sama ada dari dalam mahu pun dari luar. Terdapat tiga faktor utama yang dilihat sebagai ancaman kepada kelangsungan kearifan tempatan ini. Faktor yang pertama ialah jumlah anggota masyarakat yang semakin menyusut. Hal ini dapat dikesan dengan

kelas apabila jumlah keseluruhan masyarakat ini semakin berkurangan. Akibat daripada kekurangan anggota ini akan menyebabkan peluang bagi pelbagai kemahiran mereka diamalkan semakin berkurangan kerana ketiadaan orang yang mengamalkannya. Begitu juga halnya dengan jumlah orang-orang tua yang menyimpan khazanah kemahiran tempatan ini dalam pemikiran mereka juga semakin berkurang. Keadaan ini akan menyebabkan proses penyimpanan dan penurunan kearifan mereka terancam.

Faktor yang kedua ialah penghayatan atau persepsi negatif masyarakat CW terhadap kearifan tempatan mereka. Hal ini demikian kerana segelintir masyarakat Che Wong sudah menganggap kearifan tempatan yang dimiliki tiada nilai dan tidak perlu diteruskan lagi. Keadaan ini mungkin terjadi kerana pendedahan yang keterlaluan dengan budaya atau cara hidup lain yang berbeza dengan cara hidup masyarakat CW.

Manakala faktor ketiga ialah keyakinan generasi baharu terhadap kearifan tempatan mampu mengubah hidup mereka selari dengan perkembangan masa. Oleh itu, mereka beranggapan bahawa kearifan tempatan ini sudah tidak lagi relevan mengikut perkembangan arus dunia.

Sehubungan dengan itu, usaha-usaha mendokumentasikan kearifan tempatan CW adalah tindakan yang wajib dilakukan. Hal ini demikian kerana generasi seterusnya dapat mempelajari aspek kebudayaan material ini dengan membuat rujukan atau melalui hasil pembacaan daripada proses pendokumentasian yang telah dilakukan. Sekiranya tiada sebarang usaha dilakukan untuk mengekalkan khazanah kearifan masyarakat CW ini, maka kita bakal kehilangan khazanah intelektual yang juga merupakan identiti mereka.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada geran projek penyelidikan FRGS nombor rujukan RDU150108 (Kajian Tahap Keterancaman Bahasa Che Wong) yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- A. Rahman, H. (2010). *Penglibatan Masyarakat Peribumi Dalam Isu Berkaitan Persekitaran: Tinjauan Terhadap Suku Mah Meri Di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor*. Universiti Sains Malaysia: Nota penyelidikan kemanusiaan (111-134).
- A. Rahman, H. Ahmad, N. & Wahab, S, R. (2009). *Konsep-Konsep Asas Hubungan Etnik*. (dicapai pada 25 April, 2015 dari <http://eprints.utm.my/14559/1>).
- Abdullah, R. (2008). *Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu*. (dlm Redzuan, M. & Gill, S. (Ed). *Orang Asli: Isu, Trasformasi dan Cabaran*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia).
- Acharya Deepak dan Anshu S. (2008). *Indigenous Herbal Medicine : Tribal Formulations and Traditional Herbal Practices*. Jaipur, India : Aavishkar Publishers & Distributors.

- Alias, A. (2012). *Pada Suatu Masa di Pos Gob, Ulu Kelantan, Gua Musang: Nilai Kehidupan Tradisi Masyarakat Orang Asli Temiar*. Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH) 2012. Kota Bharu : Universiti Malaysia Kelantan (tidak diterbitkan).
- Anis Nabilla Ahmad. Jamilah Bebe Mohamad, Jamal Rizal Razali. (2016). *Che Wong : Khazanah yang Menghilang* (dibentang pada 5th Kuala Lumpur Communication, Education, Language, & Social Science Conference (KLICELS) pada 19-20 November 2016 bertempat di Hotel Bangi, Putrajaya Malaysia.
- Asmah Hj. Omar. (1987). *Malay in Its Sociocultural Context*. KL : DBP.
- Bon, A. T. (2003). *Kenali Kami : Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat : Penerbit KUiTTTHO.
- Canagarajah, S. (2002). *Reconstructing Local Knowledge*. Journal of Language, Identity and Education, 1(4), 243-259.
- Cecep Eka Permana R. (2010). *Kearifan Lokal Masyarakat Buduy dalam Mitigasi Bencana*. Jakarta : Wadatama Widya Sastra.
- Cheng YC (2004). *Fostering Local Knowledge and Human Development in Glibalization of Educations*. International Journal of Educational Management, 18 (1) 7-24).
- Clifford Geertz. (1983). *Local Knowledge : An Interpretive Anthropology*. USA : Basic Books Inc.
- Coburn J. (2003). *Bridging LK into Environmental Decision Making : Improving Urban Planning for Communities at Risk*. Journal of Planning Education and Research, 22 (42-433).
- Dollah. H, S. Bahri M. Radzi, S. Ishak & M. L. Abd. Rahman. (2004). *Cerita Orang Jakun Endau Rompin* dalam ICOSH'04. hlm. 162-171, 14-16 Disember 2004.
- Harun, N. & Hamid, N. A. (2010). *Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) : Sejauh mana melindungi Hak Orang Asli : Satu Kajian Perbandingan*. 1st International Conference on Public Policies & Social Science 2010 (IcoP 2010). Merbok : UiTM Kedah. 1-14.
- Hassan Mat Nor. (1988). *Warga bumi menghadapi cabaran pembangunan*. Kertas Kadangkala bil. 8. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hiwasaki L, Luna E, Syamsidik, Shaw R .(2014). *Local and indigenous knowledge for community resilience: Hydro-meteorological disaster risk reduction and climate change adaptation in coastal and small island communities*. UNESCO: Jakarta. p.60.
- Howell, Signe Lise & Melhuus, Marit (2007). *Race, Biology and Culture in Contemporary Norway: Identity and Belonging in Adoption, Donor Gametes and Immigration* (in Peter Wade (ed.), Race, Ethnicity, and Nation: Perspectives from Kinship and Genetics. Berghahn Books. ISBN 978-1-84545-355-8. Kapittel 3. p 53 – 73).
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2006, 2010, 2012, 2015) dicapai pada 28 Januari 2015 daripada <http://www.jakoa.gov.my/>
- Jamal Rizal Razali. (1998). *Amalan Berkomunikasi dalam Masyarakat Tutar : Kajian Laras Bahasa di LKTP Kechau Pahang*. (tesis Sarjana USM tidak diterbitkan).

- _____ dan Noriah Mohamed. (2012). *Patriotisme dalam Teks Ucapan Hari Kemerdekaan ke-50*. (Bab dalam buku *TESSHI 2012* diterbitkan oleh UiTM Kedah).
- _____. (2014a). *Negaraku Negara Kita*. Penerbit UMP : Kuantan.
- _____. (2014b). *Metafora dalam Ucapan Presiden UMNO 2000 - 2010 : Kuasa, Patriotisme dan Setia kawan*. (tesis Doktor Falsafah USM tidak diterbitkan).
- _____ (ed.) . (2019). *Dirgahayu Darul Makmur*. Kuantan : Penerbitan UMP : Kuantan.
- _____. (2018). *Che Wong : Khazanah yang Hilang* (dalam *Dirgahayu Darul Makmur*) Penerbit UMP : Kuantan (dalam proses penerbitan).
- _____. (2019). *Dialek Keturunan Tok Linggi : Sumbangan kepada Korpus Bahasa Melayu dan Dialek Pahang*. (dalam *Dirgahayu Darul Makmur*. Kuantan : Penerbitan UMP).
- _____. (2015). *Bahasa Che Wong di Mata UNESCO*. (Kertas Prosiding dalam Seminar Pedagogi Peribumi di IPGTAA pada Oktober 2015, Kaula Lipis Pahang Darul Makmur).
- Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad, Jamal Rizal Razali. (2016). *Tinjauan Amalan Sosiobudaya Masyarakat Orang Asli Che Wong* (dibentang pada International Conference of Humanities 2016 (ICH2016) pada 22-23 Disember 2016 bertempat di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang).
- Haverkot, B. (1993). *Agricultural Development with a focus on local resources. ILEIA's view on Indegenous knowledge*. (dalam DM Warren, D. Brokensha & LJ Slikkerveer (Ed.). (2006). *Indegenous Knowledge Systems: The Cultural Dimensions of Development*. London:Keegan Paul).
- Koentjaraningrat. (2009). *Pengantar ilmu Antropologi*. Jakarta : Aksara Baru.
- Kumaran TW, Dissanayake L & Norbert SA (2007). *Indegenous Knowledge Systems and Sustainability : An Appraisal Towards Resources Development*. Colombo : Kumaran Book House.
- Mohd Yusof Hasan. (1991). *Dunia Melayu*. KL : DBP.
- Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli And The Contest For Resources. Indigenous politics, Development And Identity In Penisular Malaysia*. Copenhagen: International Work Group For Indigenous Affairs.
- Noriah Mohamed dan Jamal Rizal bin Razali. (2011). *A Brief Discussion of Identity and Language Survival of the Sihan Community in Sarawak, Malaysia* (Kertas prosiding dalam *The 1st Malaysian Research Conference*, Auckland, New Zealand, 17th December 2011).
- Ridwan NA (2007). *Landasan Keilmuan Kearifan Lokal*, Jurnal Studi Islam dan Budaya, 5(1), 27-38).
- Rosley, N. A. (2009). *Kajian Impak Pembangunan Terhadap Komuniti Orang Seletar: Kajian Kes Di Kg. Simpang Arang, Johor Bahru*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. (tesis sarjana).
- Salasiah Che Lah dan Norizan Esa (ed.). (2015). *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian dalam Kearifan Tempatan*. USM : Penerbit USM.
- UNESCO. (2015). *Ethnologue Language Of the World* (dicapai pada 26 Januari 2015 daripada <http://www.ethnologue.com/language/cwg>).
- Warren, D. Brokensha & LJ Slikkerveer (Ed.). (2006). *Indegenous Knowledge Systems: The Cultural Dimensions of Development*. London:Keegan Paul.

Wawancara

Zaliah Bt Ali (Mei 2016)

Zainab Bt Abdullah / Wan Kampit Bt Aki Gadong (Jun 2016)

Aki Kerpan Bin Batin Gadong (Julai 2016).